

30/03/2003

32,000 rumah terbengkalai dipulih semula

BANGI: Kerajaan mengenal pasti 97 projek perumahan terbengkalai membabitkan lebih 32,000 unit di seluruh negara untuk dipulihkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi faedah pembeli khususnya mereka berpendapatan rendah dan sederhana.

Menteri Kewangan 11, Datuk Jamaluddin Mohd Jarjis, berkata sejumlah RM300 juta diperuntukkan daripada Tabung Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai kepada SPNB bagi memulihkan projek yang sesetengahnya terbengkalai sehingga 10 tahun.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkannya memberi keutamaan menyelesaikan isu rumah terbengkalai di seluruh negara.

Menurut Jamaludin, daripada 97 projek perumahan terbengkalai itu, lapan projek dalam proses pemulihan iaitu dua di Selangor, masing-masing sebuah projek di Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Perak dan Labuan.

"Kerajaan mengarahkan SPNB mempercepatkan pembinaan semula rumah terbengkalai bagi meringankan beban pembeli yang sudah begitu lama menunggu.

"Jika mendapat kerjasama baik daripada pembeli, bank dan pembiaya lain, rumah itu dijangka dapat dipulihkan dalam tempoh lima tahun," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan kunci projek perumahan terbengkalai di Taman Dalma, Semenyih, dekat sini semalam.

Turut hadir Pengerusi SPNB, Datuk Zahid Hamidi, Pengarah Urusannya, Mohd Zaihan Mohd Zain serta lembaga pengarah SPNB.

Jamaludin berkata, bagi mempercepatkan pembinaan rumah terbengkalai, SPNB akan melaksanakan konsep payung, iaitu memberikan kerja pembinaan semula kepada pemaaju yang dikenal pasti.